

# Kompaun trafik DBKL naik mulai 1 Julai

Ia merangkumi kategori motosikal, kereta dan kenderaan berat yang kadarnya ditetapkan mengikut tempoh bayaran tertentu



DBKL akan menaikkan kadar kompaun bagi kesalahan trafik berkuat kuasa 1 Julai ini. - Gambar hiasan

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**  
**KUALA LUMPUR**

**D**ewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menaikkan kadar kompaun bagi kesalahan trafik berkuat kuasa 1 Julai ini.

Menerusi kenyataan akhbar DBKL, ia merangkumi kategori motosikal, kereta dan kenderaan berat yang kadarnya ditetapkan mengikut tempoh bayaran tertentu.

Menurut kenyataan itu, bagi kesalahan trafik motosikal, kadar bayaran RM30 ditawarkan bagi tempoh satu hingga 15 hari, RM50 (16-30 hari) dan RM80 (31-60 hari).

“Bagi kereta, kompaun dikenakan sehingga RM100 kepada yang

gagal membuat pembayaran selepas sebulan, manakala kadar menjadi RM50 dan RM80 jika bayaran dibuat dalam tempoh 1 hingga 15 hari dan 16 hingga 30 hari.

“Sementara kategori kenderaan berat pula RM200 bagi tempoh satu hingga 15 hari, RM250 (16-30 hari) dan RM300 (31-60 hari),” menurut kenyataan itu pada Sabtu.

Menurut kenyataan itu lagi, kadar tersebut diguna pakai untuk kesalahan trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta 333.

Sebelum ini, Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Carmen Leong menerusi perkongsian di Facebook mengesahkan laporan sebuah akhbar bahasa Cina berkenaan dakwaan kenaikan kadar kompaun terhadap kenderaan yang melanggar peraturan.

“Betul, kompaun DBKL untuk kenderaan yang melanggar peraturan akan mengalami kenaikan caj. Kalau anda parkir kereta sesuka hati, parkir bertindih atau letak kenderaan atas kaki lima akan kena saman, caj saman RM50 (kalau bayar dalam masa 15 hari).

“Degil? Tak nak bayar? Lepas 16-30 hari (naik) RM80 dan selepas 30 hari, bayarlah RM100. Tak nak bayar juga? Kena hadap mahkamah majistret,” katanya menerusi perkongsian di Facebook pada 22 Jun lalu.

Beliau berkata, tindakan tegas itu dilakukan susulan ramai mengambil sikap ingkar peraturan hingga mendatangkan kesulitan kepada orang lain.

Kadar baharu kompaun trafik DBKL.

KATEGORI	KADAR KOMPAUN DAN TEMPOH BAYARAN		
	1-15 hari	16-30 hari	31-60 hari
Motosikal	RM30	RM50	RM80
Kereta	RM50	RM80	RM100
Kenderaan berat	RM200	RM250	RM300